

Jurulatih 9 perguruan silat ke DRC

- 6 FEB 1990

Galak bekas penagih ceburi
kegiatan ini selepas dibebas 7

Oleh SAINI SALLEH *

SATU siri lawatan oleh para jurulatih sembilan perguruan silat bagi menggalakkan penghuni Pusat-Pusat Pemulihan Dadah (DRC) menceburi kegiatan mengisi masa lapang apabila dibebaskan kelak akan dilancarkan Ahad ini.

Dipimpin oleh Setiausaha Politik Ehwal Dalam Negeri, Encik Harun Abdul Ghani, lawatan yang disertai dengan sesi dialog dan persembahan silat itu, akan berjalan setiap Ahad bagi enam minggu yang akan datang ini. *NAMA KUMPULAN SILAT*

Rancangan yang diselenggarakan oleh Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) itu, merupakan lanjutan daripada siri lawatan oleh Encik Harun ke DRC-DRC yang dimulakan tahun lalu. *NAMA KUMPULAN SILAT*

Mengesahkan rancangan tersebut, Encik Harun apabila dihubungi semalam, berkata: "Kesemua rancangan tersebut telahpun diatur dengan pihak DRC.

"Jika dulu siri lawatan itu melibatkan golongan penyanyi, kumpulan rok dan para penceramah agama dari luar dan dalam negeri, kali ini lebih melibatkan kegiatan sukan."

DRC-DRC itu termasuk Khalsa Centre, Selarang Park, Jalan Awan, Rose Lodge, Sembawang dan sebuah cabang DRC yang terletak di Penjara Queenstown.

Penyanyi yang terlibat dalam siri lawatan sebelum ini ialah Ramli Sarip dan Rahimah Rahim. Kumpulan rok pula ialah Search dan Wings.

Sementara penceramah pula ialah Drs Handarlin, Drs Haji Abdul Rahman Arroisi, Ismail Kamus, Ustaz Abdul Hamid Alwi Al-Attas dan Ustaz Tengku Mohd Fouzy Tengku Mahid Jumat.

Setiausaha Perwanit, Encik Johari Uriff, pula memberitahu: "Rancangan lawatan ini adalah hasil rumusan perkampungan silat yang disertai oleh sembilan perguruan silat pada Oktober lalu.

"Kami akan menggunakan kesempatan ini bukan saja untuk berdialog tetapi juga menunjukkan persembahan perguruan masing-masing."

Beliau berharap, rancangan tersebut akan dapat menarik minat penghuni untuk mengambil silat sebagai suatu kegiatan riadah selepas dibebaskan kelak.

"Mereka boleh menghubungi kumpulan-kumpulan silat yang terdekat dengan kediaman mereka jika mereka berminat untuk menceburi kegiatan tersebut," tambahnya.

Menurut Encik Johari, kesediaan kumpulan silat menerima bekas panagih itu menunjukkan bahawa masyarakat tidak menyingkir mereka.

"Malah, masyarakat sedia membantu jika mereka benar-benar ingin pulang ke pangkal jalan."

Menurutnya, sembilan perguruan itu terdiri daripada Silat Seni Gayong, Panca Sakti, Gayong Pasak, Sendeng Belalang, Cekak, Seligi Tunggal, Setia Bakti, Pencak Sunda dan Tapak Suci.